



Headline: Guru jadi mangsa tipu' Macau Scam' kerugian RM77, 249. 50

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)

Date: 15 October 2021

Language: Malay

Section: Tempatan

Page: 2

Guru jadi mangsa tipu' Macau Scam' kerugian RM77,249.50

MUKAH: Seorang guru sekolah rendah aliran vernakular di Mukah berusia 36 tahun terperdaya dengan sindiket penipuan 'Macau Scam' dan mengalami kerugian sebanyak RM77,249.50.

Menurut Ketua Polis Daerah Mukah DSP Muhamad Rizal Alias, mangsa pada 11 Oktober lalu telah menerima panggilan daripada satu nombor yang tidak dikenali.

"Pemanggil memperkenalkan dirinya sebagai pegawai bank dan memberitahu mangsa bahawa terdapat tunggakan bayaran kad kredit Platinum Mastercard atas nama mangsa sebanyak RM11,328 disebabkan pembelian secara atas talian," katanya kepada Utusan Borneo.

Mangsa katanya, menafikan kad kredit tersebut kepunyaannya dan pegawai

bank tersebut mengatakan kad tersebut telah digunakan serta didaftarkan atas identiti mangsa oleh individu lain.

Langkah penipuan kedua adalah melalui panggilan seterusnya oleh seseorang yang mengaku sebagai pegawai penyiasat daripada Bank Negara dan memberitahu akaun bank mangsa sedang disiasat, tambah Muhamad Rizal.

Bagi mengukuhkan penipuan katanya, satu lagi panggilan dibuat kepada mangsa di mana kali ini pemanggil mengatakan kononnya beliau adalah pegawai polis berpangkat Inspektor.

Bagi tujuan penyiasatan tambahnya, mangsa dikehendaki memberikan nama pengguna, kata laluan serta nombor TAC miliknya.

Terperdaya dengan modus operandi berkenaan jelas

beliau, mangsa akhirnya memberikan maklumat perbankan dan dua transaksi pindahan wang ke akaun tidak dikenali dilakukan berjumlah RM19,999.50.

Tidak cukup setakat itu, mangsa juga diarahkan untuk membuat pemindahan wang di sebuah bank melalui ATM ke dalam akaun atas satu nama melibatkan tujuh transaksi berjumlah RM57,250 untuk tujuan penyiasatan dan penetapan semula akaun.

Mangsa mula menyedari dirinya telah ditipu setelah semua transaksi disebat untuk berhubung melalui aplikasi WhatsApp oleh 'inspektor' terbabit.

Mangsa telah membuat laporan polis pada 13 Oktober lalu dan kes disiasat dibawah Seksyen 402 Kanun Keseksaan.